

30 MAR 1999

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH DIMINTA TOLAK KETERANGAN SAKSI POLIS

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diminta menolak keterangan saksi polis dalam perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuk dua saksi penting yang disifatkan oleh peguam bela sebagai "hantu" dan tidak boleh dipercayai.

Pihak pembelaan Anwar dalam penghujahan mereka berkata keterangan bekas pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang dan bekas timbalannya Datuk Amir Junus tidak harus diterima oleh mahkamah.

"PW1 (Mohd Said) memberitahu mahkamah bahawa dia sanggup berbohong. Ini penting kerana dia akan berbohong untuk mendapatkan apa saja maklumat yang dia fikir perlu untuk kepentingan negara dan menyelamatkan kedudukan mereka," kata Sulaiman Abdullah, seorang daripada sembilan peguam yang mewakili Anwar.

Beliau memulakan penghujahan pihak pembelaan hari ini dalam perbicaraan yang memasuki hari ke 75 sejak ia bermula pada 2 Nov tahun lepas.

Hakim Datuk S. Augustine Paul membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk membuat penghujahan dan menetapkan hari ini untuk mendengarnya selepas beliau menolak permohonan Anwar untuk melucutkan kelayakannya daripada mendengar kes itu pada Sabtu lepas.

Selasa lepas, pihak pembelaan enggan membuat penghujahan dengan alasan itu tidak wajar kerana permohonan mereka belum diselesaikan. Pada hari yang sama, Paul menetapkan 6 April untuk mengumumkan keputusannya dan tarikh itu tidak berubah.

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan yang dia terlibat dalam salah laku seks.

Bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan itu dituduh mengikut seksyen 2 (1) Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.

Dalam penghujahannya, Sulaiman menyifatkan polis sebagai "hantu" dan berkata: "Hantu mempunyai kaitan tersorok dengan alam yang kita huni. Dalam dunia pengintipan yang penuh rahsia, mereka mungkin hilang arah."

Katanya Mohamed Said, yang mengetuai satu daripada jabatan kerajaan paling sensitif, memberitahu mahkamah pada November lepas bahawa beliau sanggup berbohong jika diarah oleh orang atasannya dan juga telah menerangkan mengenai satu teknik sulit untuk mendapatkan saksi menukar pendirian mereka.

"Keterangan itu menunjukkan bahawa undang-undang dan kebenaran tidak dihormati," kata Sulaiman.

Seorang lagi peguam bela Gurbachan Singh dalam penghujahannya berkata mahkamah harus menolak semua keterangan Mohd Said, Amir dan dua lagi pegawai Cawangan Khas, DSP Abdul Aziz Hussin dan ACP Mazlan Mohd Din berhubung cara siasatan yang mereka gunakan.

"Menerima keterangan pegawai-pegawai yang kejam dan tidak berprinsip ini, bermakna mahkamah bertolak ansur dengan salah laku oleh agensi penyiasatan polis ini," katanya.

Beliau berkata keterangan mereka juga bercanggah memandangkan Mohd Said dan Amir memberitahu mahkamah mereka tidak mengarahkan dua pegawai itu menggunakan sebarang pujukan, ancaman atau janji untuk mendapatkan surat penarikan balik tuduhan daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar.

Ummi Hafilda adalah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana

Menteri" kepada Perdana Menteri yang disertakan dengan kenyataan bersumpah Azizan bahawa dia telah diliwat oleh Anwar.

Gurbachan berhujah bahawa mahkamah sepatutnya memutuskan bahawa surat-surat itu tidak dibuktikan tanpa sebarang keraguan munasabah bahawa ia adalah surat sebenar daripada Ummi dan Azizan kepada Perdana Menteri kerana pihak pendakwaan tidak memanggil Ketua Polis Negara dan Datuk Megat Junid Megat Ayob untuk menghapuskan sebarang keraguan yang ada.

Gurbachan Singh berkata keterangan Anwar bahawa beliau tidak mengarahkan Mohd Said dan Amir mendapatkan penarikan balik dakwaan daripada Ummi Hafilda dan Azizan berhubung surat kepada Perdana Menteri itu disahkan oleh bekas pengarah Cawangan Khas itu.

"Hakikat ini saja pun telah memusnah dan menghapuskan kes pendakwaan dan menjadikan dakwaan oleh Mohamed Said dan Amir bahawa Datuk Seri Anwar memberikan arahan penarikan balik itu sebagai tidak benar," katanya.

Katanya keterangan itu disokong oleh dua saksi pembelaan, bekas juru iring Anwar, ASP Zull Aznam Haron, dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali, yang juga abang Ummi Hafilda.

Gurbachan Singh berkata Anwar tidak terlibat menyediakan isi kandungan surat penarikan balik oleh Ummi Hafilda dan Azizan tetapi Mohamed Said memberikannya kepada Anwar kerana ia melibatkannya.

"Oleh itu, penarikan balik yang diperolehi oleh ACP Mazlan tidak ada kaitan dengan Datuk Seri Anwar dan jika Amir dan Mazlan menggunakan kaedah yang bercanggah dengan undang-undang dalam siasatan merka, ia tidak langsung ada kaitan dengan Datuk Seri Anwar," katanya.

Gurbachan Singh berkata surat-surat itu tidak diperolehi oleh polis seperti yang kononnya diarah oleh Anwar.

Gurbachan Singh berkata terdapat konspirasi polis dalam kes itu kerana pada 1997, pegawai-pegawai kanan polis menyedia dan mengemukakan laporan-laporan kepada perdana menteri dan memberi taklimat kepada Ketua Polis Negara bahawa Anwar tidak melakukan sebarang kesalahan tetapi semuanya berubah pada 1998.

Peguam itu berkata terdapat satu laporan akhbar bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi kata dua kepada Anwar sama ada meletak jawatan atau menghadapi tuduhan dan dia juga dinasihatkan berbuat demikian oleh Tun Daim Zainuddin.

Katanya jika Anwar tidak bersalah, kata dua itu tidak timbul dan pihak pembelaan sepatutnya memanggil Dr Mahathir untuk mengesahkannya.

Perbicaraan disambung 9 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD MAI